

DATE: 21/04/2008

# Ahli UMNO berhak tentukan kedudukan PM



PUTRAJAYA 20 April - Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin (**gambar**) berkata, beliau tidak pernah meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meletakkan jawatan meskipun sebelum ini ada mengeluarkan kenyataan tentang perlunya perubahan dalam kepimpinan parti itu.

Beliau bagaimanapun menegaskan, ahli UMNO mempunyai hak untuk menentukan kedudukan Perdana Menteri kerana Abdullah dipilih menduduki jawatan itu berdasarkan keputusan ahli-ahli UMNO yang memilihnya untuk menjadi

Presiden parti.

"Soal Perdana Menteri dipilih oleh rakyat, mengikut pandangan saya yang tidak cerdik, itu adalah tidak tepat.

"Abdullah sebenarnya dipilih oleh ahli UMNO yang memilih beliau sebagai Presiden parti dan mengikut konvensyen, sebagai Pengerusi BN beliau dipilih sebagai Perdana Menteri.

"Usah didebatkan soal ini kerana apapun Abdullah datang dari UMNO dan kepada UMNO ia (kedudukannya) harus kembali," kata Muhyiddin ketika dihubungi *Utusan Ma-*

*laysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz mempersoalkan hak UMNO untuk menafikan kemahuan rakyat yang inginkan Abdullah menjadi Perdana Menteri seperti yang di tunjukkan pada Pilihan Raya Umum Ke-12.

Mohamed Nazri membidas sege-lintir pemimpin UMNO termasuk yang bertaraf menteri kerana tidak putus-putus menyarankan Abdullah berundur dan menyifatkan mereka sebagai 'kurang cerdik'.

Sebelum ini, Abdullah yang akan mempertahankan jawatan Presiden UMNO pada pemilihan parti Disember ini berkata, peralihan kuasa kepada timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak akan dilakukan apabila parti berada dalam keadaan baik supaya proses itu berjalan lancar.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, pandangannya mengenai isu peralihan kuasa dalam wawan cara dan kenyataan kepada media sebelum ini lahir daripada rasa cinta dan sayang kepada UMNO serta bangsa Melayu.

um-21/4/2008